

Felcra Berhasrat Pohon Tapak Tanah Baharu Perluas Operasi Di Sarawak
Bernama
23 Mac, 2014

MUKAH, 23 Mac (Bernama) -- Felcra Berhad bercadang untuk mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri Sarawak bagi mendapatkan tapak tanah baharu untuk memperluaskan lagi program pembangunan tanahnya di negeri ini.

Pengerusi Felcra Berhad, Datuk Bung Mokhtar Radin, berkata pada Ahad melalui perluasan tapak untuk program ini, syarikat itu berharap dapat membantu kerajaan negeri meningkatkan lagi pendapatan pemilik tanah melalui pembangunan tanah secara berkelompok.

Sejak mula beroperasi di Sarawak kira-kira 11 tahun lepas, syarikat itu telah berjaya membangunkan kira-kira 50,000 hektar tanah di negeri ini dan berjaya membayar dividen berjumlah RM56 juta kepada kira-kira 9,000 orang pemilik tanah yang menyertai program pembangunannya.

"(Melalui program ini) kita boleh membina rumah mereka (pemilik tanah), membuat jalan raya, bekalan elektrik dan membentuk perkampungan yang tersusun untuk masyarakat setempat di Sarawak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Komuniti Felcra Berhad di Balai Raya Kampung Lintang, Balingian, dekat sini.

Bung Mokhtar berkata Felcra Berhad tidak meletakkan jumlah keluasan tanah yang dipohon dan menyerahkan kepada budi bicara kerajaan negeri untuk mempertimbangkannya.

"Terserah (kepada kerajaan negeri untuk meluluskan berapa luas tanah yang akan diperuntukkan kepada Felcra Berhad). Kita tidak dapat menentukan. Cuma kalau lagi banyak (tanah, maka) lagi banyak orang yang terlibat... matlamat kita adalah untuk melepaskan masyarakat kita dari belenggu kemiskinan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024097>